

UCAP-UTAMA M. KAMAL HASSAN PADA MULTAQA
PEMBAHARUAN (*TAJDID*) UMMAH ANJURAN MDN PADA
23 OKTOBER 2021



الحمد لله الذي بنعمته تتم الصالحات، وبفضله تنزل
الخيرات والبركات، وبتوفيقه تتحقق المقاصد والغايات، وأزكى
صلواتِ الله وتسليماته على سيدنا وأسوتنا وحبينا محمد المبعوث
رحمة للعالمين وداعيا إلي الله بإذنه وسراجا منيرا وعلي آله
وصحبه أجمعين ومن تبعهم بإحسان إلي يوم الدين. سبحانك لا
علم لنا إلا ما علمتنا إنك أنت العليم الحكيم ولا حول ولا قوة إلا
بالله العلي العظيم. أما بعد.

Alhamdulillah, berkat limpahan rahmah Allah SWT dan restuNya, kita dapat berkumpul pada hari ini atas seruan Multaqa Tajdid Ummah anjuran Majlis Dakwah Negara. Kita harus berterima kasih kepada MDN kerana telah mengambil berbagai inisiatif yang penting dalam sejarahnya yang ringkas namun berbekas. Sebulan lebih yang lalu kita telah berkumpul untuk membincang isu-isu dakwah dalam Konvensyen Dakwah Negara 2021. Lima tahun dahulu MDN telah menganjur Multaqa Perpaduan Ummah, dan hari ini pemikiran Islam Malaysia di kumpul dan digembelingkan oleh MDN untuk memberi perhatian khusus kepada tanggungjawab *Tajdid* dan *Islah* yang Allah SWT letakkan diatas bahu ummat Islam.

Tajdid merangkumi makna pembaharuan (renewal), penambahbaikan (renovation), pembetulan (*islah*) dan penghidupan semula (*ihya`*, revival). Biasanya ia dikaitkan dengan *tajdid al-din* yang bersandarkan kepada sebuah hadith yang terkenal yang berbunyi:

"إن الله يبعث لهذه الأمة على رأس كل مئة سنة من يجدد لها دينها"
(أبو داود في سننه)

yang berarti: "Sesungguhnya Allah mengutus untuk umat ini pada setiap permulaan atau penghujung seratus tahun, orang atau mereka yang memperbaharui agamanya".

Tajdid dalam konteks hadith ini tidak merujuk kepada sesuatu perkara baru yang hendak ditambah kepada agama Allah, kerana agama Allah SWT sudah sempurna dan lengkap tanpa sebarang kelemahan atau kekurangan. *Tajdid* yang dimaksudkan di sini ialah usaha membebaskan agama Allah dari sebarang perkara yang tak sepatutnya ada dalam agama Islam atau menjadi *bid`ah* atau pertambahan yang dibuat-buat oleh manusia yang merusakkan kesuciannya dan keasliannya. Dengan usaha *tajdid* ini, agama Allah akan kembali murni, asli dan sempurna.

Tetapi dalam Multaqa Pembaharuan (*Tajdid*) Ummah kali ini, yang dijadikan perbincangan ialah *Tajdid al-Ummah*, iaitu usaha pembaharuan, penambahbaikan, koreksi diri sendiri, penghidupan semula dinamika *hadharah Islamiyyah*, penghidupan semula misi pengabdianya kepada Allah SWT

semata-mata, misi khilafahnya untuk megimarahkan dunia, dan misi hadharinya yang pernah membangun sebuah tamadun yang gemilang di zaman dahulu.

Dengan *tajdid* yang multi dimensi ini kita mengharapkan supaya *Ummah Islamiyyah* dapat memainkan semula peranan sakralnya, dan menjalankan tanggungjawab sucinya sebagai pemimpin hadharah atau tamadun yang agung yang telah ditentukan oleh Allah SWT keatasnya supaya menjadi "sebaik-baik ummat", menjadi "*ummatan wasatan litakunu shuhada' `ala al-nas*" atau sebagai pembawa misi "*rahmatan li'l- `alamin*". Ummatlah yang perlu dipulihkan, diperbaiki, dibetulkan, dibaharui dan dihidupkan semula, bukan agama Allah SWT. Oleh yang demikian, Multaqa hari ini harus menentukan apakah yang harus di baharui dan dibaiki dalam ummat Islam di Malaysia dan bagaimanakah *tajdid* itu harus dilakukan dalam konteks zaman yang berubah begitu pesat dan menghadapi masa depan yang lebih mencabar pasca pandemic COVID 19.

Pada hemat saya, usaha pembaharuan ummah yang termasuklah persoalan-persoalan besar seperti berikut:

1. *Tajdid* sebagai jihad untuk mengeluarkan ummat Islam daripada kefahaman agama yg dangkal, sempit, jumud kpd kefahaman yang holistik, inklusif, ijtihadik dan dinamik.
2. *Tajdid* sebagai jihad untuk mengeluarkan ummat daripada set minda dan pandangan hidup yang duniawi

dan maddi (kebendaan) kepada pandangan alam *al-Falah* (kejayaan yang hakiki) kearah mencapai kesejahteraan dan keunggulan di dunia, dan kesejahteraan dan kebahagiaan yang abadi di akhirat.

3. *Tajdid* sebagai jihad untuk mengeluarkan ummat daripada zulumat belantara politik tak beradab dan tak tau malu dan merugikan ummah kepada politik yang menyatukan ummah dengan berideologikan kemurnian Tauhid dengan iman yang kukuh, taqwa yang mendalam dan ihsan yang suci dan budi pekerti yang mulia..., menuju budaya politik baru yang bermatalamt mendapat redha Allah SWT yang mengatasi redha manusia, redha bangsa atau redha parti.
4. *Tajdid* sebagai jihad untuk mengeluarkan ummat daripada urus tadbir negara yang membelakangkan nilai-nilai integriti dan tanggungjawab kepada Allah SWT demi kepentingan diri, kroni dan parti kepada tradisi pentadbiran baru yang menekankan nilai kompetensi dan amanah serta mengutamakan jihad memerangi kemunkaran, korupsi, kemunafikan, egoisme dan tipu muslihat.

Tentu sekali banyak lagi persoalan-persoalan besar lain yang boleh dibincang kerana ummat Islam telah lama berada dalam keadaan keuzuran yang parah, penuh dengan penyakit-penyakit

hati yang merbahaya, tetapi dalam waktu yang terbatas ini, pehak urusetia Multaqa sudah menentukan draf resolusi-resolusi yang akan di difokuskan supaya kita dapat menggunakan tenaga berfikir dan merencana secara rasional dan optimal dengan semangat syura, ukhuwwah dan demokratis.

Sebagai seorang peserta Multaqa yang ingin sekali melihat pembaharuan dalam ummat ini dan dalam negara yang dikasihi ini, saya berdoa semoga Allah SWT memberkati usaha murni kita dan membimbing perbincangan kita agar ijtihadnya dan syuranya dan keikhlasannya akan menyembuhkan penyakit-penyakit politik, ekonomi, budaya, pemikiran, pendidikan, akal budi dan jiwa ummat Islam sehingga ia dapat bangkit semula untuk memimpin bangsa dan negara kearah suatu hadharah atau suatu tamaddun yang gemilang, disegani dan dihormati.

أقول قولي هذا وأستغفر الله لي ولكم والسلام عليكم ورحمة الله
وبركاته